



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
SKIM CUTI PASCA-KEDOKTORAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen 19 Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Lembaga Pengarah menurut peruntukan seksyen tersebut membuat skim berikut:

Seksyen 19

NAMA DAN TARIKH PENGUATKUASAAN

1. Skim ini hendaklah dikenali sebagai Skim Cuti Pasca-Kedoktoran Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh Lembaga Pengarah meluluskan skim ini.

Nama Skim Dan Tarikh Penguatkuasaan

TAFSIRAN

2. Dalam skim ini melainkan jika ada makna lain yang terjelas daripada konteksnya tafsiran berikut akan terpakai:-

Tafsiran

- 2.1. "Universiti" ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- 2.2. "Staf" ertinya seorang staf akademik Universiti yang mempunyai kelulusan Ijazah Doktor Falsafah atau setaraf.
- 2.3. "Panel Cuti Belajar" ertinya Panel Cuti Belajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- 2.4. "Ketua Pusat Tanggungjawab" ertinya Ketua Pusat Tanggungjawab hakiki kepada staf yang memohon;

TUJUAN

3. Skim ini adalah satu kemudahan kepada staf akademik yang memperolehi Ijazah Doktor Falsafah sebagai satu galakkan kepada mereka untuk menjalankan penyelidikan di bawah skim ini dalam bidang kepakarannya dan berinteraksi dengan kumpulan penyelidik di luar negara. Walau bagaimanapun, sekiranya bidang kepakarannya terdapat dalam negara, maka skim ini boleh dipertimbangkan untuk diikuti dalam negara.

OBJEKTIF

4. Skim ini diwujudkan bagi memenuhi objektif-objektif berikut:
 - 4.1. memberi peluang kepada staf muda berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah atau setaraf untuk membuat penyelidikan secara sepenuh masa;
 - 4.2. membuka peluang untuk staf menonjolkan penemuan dan teknik baru dalam penyelidikan;
 - 4.3. menggalakkan staf membina rangkaian penyelidikan dengan pakar dalam bidang masing-masing;
 - 4.4. memberi pendedahan untuk menjalankan penyelidikan dengan penyelidik yang tersohor dalam bidang kepakarannya;
 - 4.5. mengukuh dan meluaskan bidang penyelidikan staf.

AKTIVITI PROGRAM

5. Keutamaan skim ini adalah untuk dijalankan di universiti atau institusi penyelidikan di luar negara. Walau bagaimanapun, kelonggaran untuk menjalankan skim ini dalam negara boleh diberi sekiranya bidang kepakaran terdapat dalam negara;
6. Staf mestilah menjalankan projek yang khusus yang boleh memberikan manfaat kepada Universiti dan negara;
7. Staf digalakkan menjalankan penyelidikan atau projek di universiti/institusi penyelidikan tersohor yang relevan dengan bidang kepakaran staf;
8. Staf mestilah mendapat tawaran dan penajaan sepenuhnya sama ada daripada universiti/institusi tempat penyelidikan dijalankan atau dari agensi lain yang ada kaitan dengan projek penyelidikan yang akan dijalankan. Universiti tidak akan memberikan sebarang penajaan dalam tempoh skim ini;
9. Di akhir tempoh menjalani Skim Cuti Pasca-Kedoktoran, staf dikehendaki menghasilkan kertas kerja ilmiah yang diterbitkan dalam jurnal antarabangsa.

Kelulusan

SYARAT PERMOHONAN

10. Syarat bagi membolehkan seseorang staf layak dipertimbangkan skim adalah seperti berikut;
 - 10.1. Staf adalah bertaraf tetap dan telah disahkan dalam jawatan;
 - 10.2. Staf mestilah mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau yang setaraf dengannya;
 - 10.3. Staf hendaklah mendapat perakuan dari Ketua Pusat Tanggungjawab.
 - 10.4. Staf mestilah berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh memulakan Cuti Pasca-Kedoktoran;

Kelayakan

PERMOHONAN DAN KELULUSAN

11. Permohonan dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Cuti Pasca-Kedoktoran yang dikeluarkan oleh Universiti dan disertakan bersama cadangan penyelidikan yang terperinci, perancangan dan jadual kerja sepanjang cuti berkenaan.
12. Cadangan penyelidikan yang lengkap meliputi maklumat berikut;
 - i. Pengenalan/Latar Belakang – meliputi literature review
 - ii. Pernyataan Masalah
 - iii. Bidang/Skop dan Populasi Kajian
 - iv. Pemilihan Sampel
 - v. Jangkaan Penemuan/Keputusan (Expected Result)
 - vi. Kesan Penyelidikan Kepada Pembangunan Negara
 - vii. Jadual Kerja/Aktiviti Sepanjang Tempoh Cuti Berkenaan
13. Permohonan mestilah dimajukan kepada Unit Cuti Belajar melalui Ketua Pusat Tanggungjawab tidak kurang dari tiga (3) bulan sebelum tarikh permulaan Cuti Pasca-Kedoktoran.
14. Permohonan akan dipertimbangkan oleh Panel Cuti Belajar dan staf akan dijemput hadir temuduga pada tarikh yang ditetapkan (jika perlu).
15. Kelulusan permohonan skim ini adalah tertakluk kepada memenuhi syarat di atas, kepentingan perkhidmatan dan peruntukan kewangan universiti.

TEMPOH

16. Tempoh Cuti Pasca-Kedoktoran yang boleh diluluskan adalah bergantung kepada tempoh sesuatu projek yang akan dijalankan dan tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar. Staf mestilah memenuhi syarat perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam para 10.

EMOLUMEN DAN KEMUDAHAN

17. Sepanjang tempoh Cuti Pasca-Kedoktoran, staf akan di bayar gaji dan elaun tetap sahaja. Lain-lain elaun seperti elaun kritikal dan pentadbiran tidak akan dibayar dalam tempoh tersebut.

18. Elaun-elaun dan kemudahan yang terlibat;

18.1. Elaun Pakaian Panas

Elaun Pakaian Panas akan dibayar kepada staf yang menjalani Cuti Pasca-Kedoktoran di negara beriklim sederhana sekiranya tidak pernah menerima elaun ini dalam tempoh tiga (3) tahun tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.

18.2. Tambang Perjalanan

Staf akan mendapat kemudahan tambang kapal terbang dari lapangan terbang di Malaysia ke lapangan terbang negara di mana staf menjalani Cuti Pasca-Kedoktoran, sekali pergi dan sekali balik mengikut jalan terdekat dan/atau kadar tambang termurah (meskipun tidak mengikut kelayakan). Tuntutan elaun-elaun lain seperti makan, lojing dan pengangkutan awam tidak dibenarkan.

18.3. Kemudahan Perubatan

- i) Staf yang diluluskan menjalani skim ini di luar negara tidak akan ditanggung apa-apa kemudahan perubatan termasuk insurans kesihatan. Sekiranya staf menjalani skim ini dalam negara, staf adalah tertakluk di bawah Skim Perubatan Universiti.
- ii) Tanggungan staf yang tidak mengiringi staf sepanjang tempoh Cuti Pasca-Kedoktoran adalah layak untuk terus mendapat rawatan perubatan dalam negara di bawah Skim Perubatan Universiti.

LAPORAN

19. Semasa dalam tempoh Cuti Pasca-Kedoktoran, staf hendaklah melaporkan kemajuannya kepada Unit Cuti Belajar setiap enam (6) bulan kalendar.
20. Laporan akhir Cuti Pasca-Kedoktoran hendaklah dikemukakan kepada Unit Cuti Belajar melalui Ketua Pusat Tanggungjawab dalam masa tiga puluh (30) hari selepas staf kembali bertugas.

PERJANJIAN PERKHIDMATAN

21. Seseorang staf yang diluluskan Cuti Pasca-Kedoktoran dikehendaki menandatangani ikatan perjanjian perkhidmatan dengan universiti.
22. Staf perlu berkhidmat selama dua puluh empat (24) bulan mulai tarikh melapor diri bertugas semula.
23. Sekiranya staf mempunyai ikatan perkhidmatan kerana melanjutkan pengajian, maka tempoh berkhidmat adalah bersambungan (setelah tamat satu tempoh perjanjian perkhidmatan, disambung dengan tempoh perjanjian perkhidmatan seterusnya). Tempoh ikatan perjanjian perkhidmatan tidak berlaku serentak.
24. Bayaran gantirugi kerana tidak mematuhi perjanjian/melanggar perjanjian adalah mengikut kos sebenar (emolumen, bonus dan tambang kapal terbang).

PERATURAN DAN TATATERTIB

25. Semasa menjalani Cuti Pasca-Kedoktoran, staf adalah berada dalam perkhidmatan Universiti dan oleh itu tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Universiti, di antaranya:

- 25.1. Tidak boleh menjalankan apa-apa pekerjaan selain daripada yang telah diluluskan oleh Universiti;
- 25.2. Tidak dibenarkan melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti termasuk kerja perundingan yang mendatangkan apa-apa keuntungan dari mana-mana punca lain, selain dari yang telah diluluskan oleh Universiti.
- 25.3. Tidak boleh mengikuti sebarang aktiviti yang bertentangan dengan kepentingan Universiti dan Kerajaan Malaysia atau aktiviti yang dianggap “anti-establishment” dan boleh mencemarkan nama baik Universiti dan Kerajaan Malaysia;
- 25.4. Staf adalah masih tertakluk kepada Kaedah Tatatertib Universiti. Staf dikehendaki supaya sentiasa menunjukkan kelakuan yang bersesuaian dengan tanggungjawabnya dan tidak melakukan perbuatan yang menyalahi peraturan Universiti dan Kerajaan Malaysia;
- 25.5. Staf yang sedang menjalani Cuti Pasca-Kedoktoran sekiranya diperlukan atas kepentingan perkhidmatan, atau di atas apa-apa laporan dan maklumat yang menyebabkan pihak pengurusan universiti membuat keputusan untuk membatalkan/menamatkan tempoh Cuti Pasca-Kedoktoran, boleh dipanggil balik bertugas pada bila-bila masa dengan memberikan tempoh tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari untuk berbuat demikian.

HAK UNIVERSITI

26. Walau apa pun perbekalan dalam peraturan dan syarat-syarat Skim Cuti Pasca-Kedoktoran, Universiti berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat di atas dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang notis dan staf adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan/atau tambahan-tambahan tersebut.